

Penyertaan komuniti tempatan dalam pemuliharaan ekosistem sungai mansahaban berasaskan sistem bombon di kg. Marakau, Ranau

ABSTRACT

Penyertaan komuniti dalam pemuliharaan ekosistem berasaskan sistem bombon penting untuk membantu dalam meningkatkan nilai perkhidmatan ekosistem. Pemuliharaan ekosistem dilakukan adalah untuk mengekalkan keseimbangan ekosistem, meminimumkan pembaziran dan mengelakkan kerosakan persekitaran. Sistem bombon memerlukan penyertaan komuniti setempat atau komuniti kampung khususnya, bagi membantu dalam menentukan hala tuju dan menghasilkan keputusan disepanjang tempoh pelaksanaan sistem ini. Bombon merupakan kaedah pengurusan ekosistem yang diamalkan komuniti Kg. Marakau dalam menguruskan sumber sungai. Ekosistem sungai penting kerana terdapat pelbagai perkhidmatan ekosistem untuk kegunaan manusia termasuk makanan, perkhidmatan perubatan dan rekreasi. Seterusnya kajian ini adalah untuk mengenalpasti faktor dan bentuk penyertaan komuniti dalam pelaksanaan sistem bombon bagi mencapai tujuannya dalam keselamatan makanan, keselamatan ekosistem dan produk pelancongan. Data dikumpul melalui temu bual terhadap komuniti aktif dan pemerhatian serta dianalisis secara diskriptif. Hasil kajian mendapati penyertaan komuniti tempatan dalam pemuliharaan sistem ekosistem adalah secara aktif dan terdapat tiga bentuk penyertaan utama dan penyertaan komuniti dipengaruhi oleh manfaat daripada pelaksana sistem bombon kepada nilai ekosistem di Kg. Marakau.